

08/08/2002

Johor, Pusat sudah lama putus henti bekalan air

JOHOR BAHRU, Rabu - Keputusan menghentikan pembekalan air mentah ke Singapura selepas 2011 sudah lama diputuskan kerajaan negeri Johor dan pusat dan bukan dibuat kerajaan Singapura.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata perkara itu dimaklumkan kepada Singapura oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Februari 2001, sekali gus bermakna negeri itu tidak bergantung kepada bekalan air bersih Lembaga Kemudahan Awam (PUB) Singapura.

Katanya, sehubungan itu, kenyataan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong tidak memperbaharui perjanjian 1961 bukan sesuatu yang baru.

"Perjanjian sedia ada tidak menguntungkan negeri ini yang menjana pendapatan RM2 juta setahun hasil penjualan air mentah ke Singapura tetapi Johor terpaksa belanja RM6 juta untuk membeli air bersih PUB Singapura.

"Ia tidak memberikan faedah kepada kita. Buat apa kita nak perbaharui perjanjian itu. Adalah lebih baik kita menamatkan saja perjanjian itu.

"Perkara itu juga sudah lama diputuskan kerajaan Johor dan Pusat serta diberitahu kepada Singapura.

"Ia bukan keputusan Singapura, tetapi keputusan kita. Oleh itu, tak perlulah buat kenyataan untuk sampaikan kepada kita," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di Bukit Timbalan di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan berkata Singapura boleh berhenti membeli air dari Malaysia sekarang tanpa perlu menunggu sehingga 2011.

Ini kerana penjualan komoditi itu sejak 75 tahun lalu ke republik berkenaan tidak memberi keuntungan kepada Malaysia.

Perdana Menteri menyifatkan air yang dijual Malaysia kepada Singapura pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen (4,500 liter) yang diguna pakai sejak 1927, tidak masuk akal sama sekali.

Malaysia dan Singapura menandatangani dua perjanjian air pada 1961 dan 1962 bagi membekalkan 350 juta gelen air mentah ke Singapura setiap hari. Dua perjanjian itu masing-masing akan tamat tempoh 2011 dan 2061.